

KESAN PENGLIBATAN DALAM PUSAT AKTIVITI DAN KEGIATAN WARGA EMAS TERHADAP KESEJAHTERAAN WARGA EMAS: PERBANDINGAN ANTARA MALAYSIA DAN BRUNEI

THE IMPACT OF PARTICIPATION IN SENIOR ACTIVITY AND RECREATION CENTRES ON THE WELL-BEING OF OLDER ADULTS: A COMPARATIVE STUDY BETWEEN MALAYSIA AND BRUNEI DARUSSALAM

Norfadelah Nordin^{1*}
Nurol Halimatulwara' Mumin²
Siti Marsitah Mohd Mokhtar¹
Syazwani Husin¹
Nurul Izati Akma Abdullah Sidek¹
Juwairiah Hassan¹
Abdul Qahhar Ibrahim³

¹Fakulti Dakwah, Pendidikan dan Peradaban Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPAS), Kuantan 25150, Malaysia (E-mail: norfadelah@unipsas.edu.my, sitimarsitah@unipsas.edu.my, syazwani@unipsas.edu.my, izatiakma@unipsas.edu.my, juwairiah@unipsas.edu.my)

²Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Simpang 373, Bandar Seri Begawan, Brunei (E-mail: nurwara.mumin@unissa.edu.bn)

³Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Nerus 21300, Malaysia (E-mail: abdulqahhar@unisza.edu.my)

*Corresponding author: norfadelah@unipsas.edu.my

Article history

Received date : 12-11-2025
Revised date : 13-11-2025
Accepted date : 22-12-2025
Published date : 29-12-2025

To cite this document:

Nordin, N., Mumin, N. H., Mohd Mokhtar, S. M., Husin, S., Abdullah Sidek, N. I. A., Hassan, J., & Ibrahim, A. Q. (2025). Kesan penglibatan dalam pusat aktiviti dan kegiatan warga emas terhadap kesejahteraan warga emas: Perbandingan antara Malaysia dan Brunei. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 384 – 395.

Abstrak: Kajian ini bertujuan meneliti kesan penglibatan warga emas dalam Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di Malaysia dan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) di Brunei terhadap kesejahteraan mereka dari perspektif sosial, emosi dan psikologi. Pendekatan kualitatif digunakan dengan reka bentuk kajian kes (case study). Data dikumpul melalui analisis dokumen, temu bual separa berstruktur dan pemerhatian di dua buah PAWE di Malaysia serta dua buah PKWE di Brunei yang dipilih secara pensampelan bertujuan. Temu bual melibatkan pengurus pusat dan warga emas yang aktif mengambil bahagian dalam aktiviti yang dianjurkan. Dapatan menunjukkan bahawa penglibatan aktif warga emas dalam aktiviti sosial, rekreasi dan keagamaan memberi kesan positif terhadap kesejahteraan emosi, harga diri serta hubungan sosial mereka. Walau bagaimanapun, perbezaan struktur pentadbiran dan

budaya masyarakat antara Malaysia dan Brunei turut mempengaruhi corak penyertaan warga emas. Kajian ini menegaskan kepentingan memperkukuh sokongan institusi dan komuniti bagi memastikan kesejahteraan warga emas dapat dipertingkatkan secara berterusan di kedua-dua negara.

Kata Kunci: *kesejahteraan warga emas, PAWE, PKWE, penglibatan sosial, gerontologi, Malaysia, Brunei*

Abstract: *This qualitative study explores the impact of participation in Malaysia's Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE; Senior Activity Centres) and Brunei Darussalam's Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE; Senior Recreation Centres) on the social, emotional, and spiritual well-being of older adults. Using a case study design, data were collected through document analysis, semi-structured interviews and observations involving 8 older adults (aged 60–80) across two PAWE locations in Malaysia and two PKWE centres in Brunei. Thematic analysis identified four key themes: (i) social participation as a source of well-being, (ii) meaningful activities strengthening emotional health, (iii) spiritual engagement enhancing inner peace, and (iv) challenges and community support influencing participation. Findings reveal that active involvement in social and religious activities significantly enhances psychological and emotional well-being by fostering social connectedness, purpose, and self-worth. While Malaysian participants benefited primarily from structured social and educational programs, Bruneian participants emphasised spiritual and communal values as sources of contentment. The study underscores the importance of culturally grounded community programmes in promoting holistic well-being among older adults in Southeast Asia. Policy implications include enhancing institutional support, transport accessibility, and intergenerational engagement to sustain active ageing initiatives.*

Keywords: *older adults, well-being, social participation, PAWE, PKWE, gerontology, Malaysia, Brunei Darussalam*

Pengenalan

Fenomena penuaan penduduk semakin ketara di rantau Asia Tenggara, termasuk Malaysia dan Brunei Darussalam. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN, 2023) mengunjurkan bahawa menjelang tahun 2040, lebih 15% penduduk di kedua-dua negara akan terdiri daripada golongan berusia 60 tahun ke atas. Brunei Darussalam secara operasional kerap menggunakan ambang 65 tahun dalam dokumen berkaitan kesihatan awam; kedua-duanya relevan dalam merangka intervensi penuaan aktif berasaskan konteks tempatan. (Firdaus & Cecep, 2024). Peningkatan ini menuntut perhatian terhadap kesejahteraan warga emas bukan sahaja dari aspek kesihatan fizikal, tetapi juga dimensi psikososial dan kesejahteraan hidup secara holistik (Norhayati & Abdullah, 2021).

Di Malaysia, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menubuhkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) sebagai inisiatif komuniti yang menyediakan ruang interaksi sosial, aktiviti rekreasi, keagamaan dan pendidikan sepanjang hayat bagi warga emas. Sementara, di Brunei Darussalam pula, fungsi setara dilaksanakan melalui Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) di bawah JAPEM, dengan penekanan kuat pada nilai kekeluargaan dan landasan Islam yang menjiwai tadbir urus kebajikan serta cadangan

“Whole of Nation Approach” (pendekatan menyeluruh merentas pihak berkepentingan) bagi meningkatkan kualiti hidup warga emas (Firdaus & Cecep, 2024).

Walaupun objektif PAWE dan PKWE hampir sama, pelaksanaan serta penerimaan program oleh warga emas mungkin berbeza disebabkan oleh faktor budaya, sokongan komuniti, dan dasar sosial negara masing-masing. Kajian perbandingan antara dua konteks ini masih kurang dijalankan, terutamanya yang meneliti pengalaman sebenar warga emas melalui pendekatan kualitatif yang mendalam. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi memahami bagaimana penglibatan dalam PAWE dan PKWE mempengaruhi kesejahteraan sosial, emosi dan psikologi warga emas.

Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk:

1. Menjelaskan bentuk penglibatan warga emas dalam aktiviti PAWE dan PKWE.
2. Mengenal pasti elemen kesejahteraan yang diperoleh melalui penyertaan dalam aktiviti tersebut.
3. Membandingkan persamaan dan perbezaan pengalaman warga emas di Malaysia dan Brunei dari perspektif kesejahteraan sosial.

Kajian Literatur

Konsep Kesejahteraan Warga Emas

Kesejahteraan warga emas merupakan konsep pelbagai dimensi yang merangkumi aspek fizikal, psikologi, sosial dan spiritual. Menurut Ryff (1989), kesejahteraan psikologi melibatkan enam dimensi utama iaitu penerimaan diri, hubungan positif dengan orang lain, autonomi, penguasaan terhadap persekitaran, tujuan hidup, dan perkembangan peribadi. Dalam konteks warga emas, kesejahteraan sering dikaitkan dengan keupayaan untuk menyesuaikan diri terhadap perubahan peranan sosial, kehilangan pasangan hidup, atau penurunan fungsi fizikal (Kim & Park, 2020).

Kajian oleh Norhayati dan Abdullah (2021) di Malaysia mendapati bahawa kesejahteraan warga emas bergantung kepada sejauh mana mereka dapat mengekalkan rasa bermakna dalam kehidupan dan kekal terlibat dengan komuniti. Sementara itu, Kaur dan Othman (2019) menegaskan bahawa kesejahteraan warga emas tidak hanya diukur melalui kesihatan fizikal, tetapi turut melibatkan hubungan sosial yang positif, peluang pembelajaran baharu, serta penyertaan aktif dalam aktiviti sosial dan keagamaan.

Dalam konteks di Brunei, pengurusan warga emas digariskan selari Maqāsid Syarī‘ah dan nilai ukhuwah, menegaskan hormat merentas agama serta pemupukan akhlak dan pendidikan agama sebagai pelindung daripada pengabaian (Firdaus & Cecep, 2024). Kajian oleh Haji Ahmad (2020) menunjukkan bahawa kesejahteraan warga emas lebih banyak dikaitkan dengan konsep ukhuwah dan nilai kekeluargaan yang kuat. Kebergantungan sosial kepada ahli keluarga dan komuniti tempatan menjadi elemen penting dalam memastikan kesejahteraan emosi warga emas. Justeru, kesejahteraan tidak boleh ditafsir semata-mata berdasarkan ukuran Barat, tetapi perlu disesuaikan dengan nilai budaya dan sistem sosial tempatan.

Teori-teori yang Berkaitan dengan Kesejahteraan dan Penglibatan Warga Emas

Dua teori utama sering digunakan untuk menjelaskan penglibatan sosial dan kesejahteraan warga emas, iaitu Teori Aktiviti (*Activity Theory*) dan Teori Pertukaran Sosial (*Social Exchange Theory*).

Teori Aktiviti yang dikemukakan oleh Havighurst (1961) menegaskan bahawa warga emas yang mengekalkan gaya hidup aktif dan terus terlibat dalam aktiviti sosial, rekreasi, atau sukarela cenderung memiliki tahap kesejahteraan yang lebih tinggi. Teori ini menolak pandangan bahawa warga emas perlu berundur daripada peranan sosial setelah bersara. Sebaliknya, penglibatan berterusan dalam aktiviti komuniti dianggap penting untuk mengekalkan identiti diri dan kepuasan hidup.

Teori Pertukaran Sosial (Homans, 1961) pula menjelaskan bahawa interaksi sosial berfungsi atas dasar timbal balik; warga emas yang terlibat aktif dalam komuniti akan memperoleh ganjaran sosial seperti penghargaan, rasa diterima, dan sokongan emosi. Sebaliknya, ketiadaan hubungan sosial boleh membawa kepada perasaan terpinggir dan kemurungan.

Dalam konteks PAWE dan PKWE, teori-teori ini menunjukkan bahawa aktiviti sosial bukan sahaja memberi manfaat fizikal tetapi juga mengukuhkan perasaan bernilai diri serta integrasi sosial warga emas (Rahim et al., 2022). Kedua-dua teori menjadi asas konseptual bagi memahami bagaimana penyertaan dalam program warga emas mempengaruhi kesejahteraan psikososial mereka.

Peranan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di Malaysia

PAWE merupakan inisiatif kerajaan Malaysia yang diwujudkan sejak tahun 2007 di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Objektif utama PAWE adalah menyediakan ruang interaksi sosial yang selamat bagi warga emas menjalankan pelbagai aktiviti seperti senamrobik, latihan kemahiran, kelas agama, lawatan, ceramah seminar dan aktiviti kebajikan masyarakat (KPWKM, 2022).

Kajian oleh Rahman dan Aziz (2020) mendapati bahawa penglibatan aktif warga emas dalam PAWE dapat meningkatkan kesejahteraan psikologi, mengurangkan kesunyian, serta memperkukuh hubungan sosial. Kajian yang dilakukan oleh Nor Azila, Siti Masayu Rosliah & Nik Norliati Fitri (2022) juga membuktikan bahawa responden bersetuju PAWE Marang dapat mensejahterakan warga emas di samping dapat menjalani hidup yang lebih baik dan sejahtera. Begitu juga dengan dapatan kajian oleh Ibrahim (2016) mendapati bahawa aktiviti-aktiviti yang dijalankan di PAWE adalah berhubung kait dengan kesejahteraan warga emas di Malaysia.

Walau bagaimanapun, kajian oleh Choo et al. (2021) menunjukkan bahawa keberkesanan PAWE bergantung kepada kualiti program, kecekapan penyelar, dan tahap sokongan komuniti setempat. PAWE yang mempunyai aktiviti yang lebih pelbagai dan diterajui oleh sukarelawan aktif didapati berjaya menarik lebih ramai penyertaan warga emas, sekaligus meningkatkan impak kesejahteraan.

Peranan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) di Brunei Darussalam

Di Brunei Darussalam, PKWE ditubuhkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan objektif untuk menyediakan ruang sosial yang kondusif kepada warga emas bagi menjalankan aktiviti produktif dan bermakna (JAPEM, 2023). Walaupun konsepnya hampir sama dengan PAWE di Malaysia, pendekatan pelaksanaan PKWE lebih menekankan nilai kekeluargaan, keagamaan, dan komuniti setempat (Haji Ahmad, 2020). Antara program dan aktiviti yang dilaksanakan adalah program keagamaan seperti ceramah dan tazkirah agama, kelas mengaji dan sebagainya. Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (Life-Long Learning) seperti Latihan Vokasional (kelas jahitan, kraftangan, memasak, seni gubah dan lain-lain), Pengenalan Asas Teknologi Informasi dan Komunikasi juga diadakan di PKWE. Program sosial dan rekreasi seperti aktiviti

sukarela/ kemasyarakatan, aktiviti motivasi, aktiviti bersama belaka dan program keusahawanan seperti klinik keusahawanan, lawatan ke industri dan jerayawara jualan dan sebagainya antara program yang mendapat tempat di hati warga emas di Brunei (PKWE, 2025) Kajian oleh Lim dan Salleh (2022) mendapati bahawa warga emas di Brunei lebih cenderung menyertai aktiviti yang bersifat keagamaan dan sosial seperti kelas mengaji, gotong-royong, dan program kebajikan komuniti. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja mengukuhkan hubungan sosial tetapi juga memberikan makna spiritual yang mendalam, sekaligus meningkatkan kesejahteraan emosi.

Namun begitu, penyertaan dalam PKWE juga dipengaruhi oleh tahap mobiliti dan sokongan keluarga. Sebahagian warga emas menghadapi kekangan pengangkutan atau kebergantungan kepada anak untuk hadir ke pusat kegiatan. Faktor-faktor ini menunjukkan bahawa kesejahteraan warga emas di Brunei amat bergantung kepada sokongan keluarga dan masyarakat berbanding struktur organisasi semata-mata (Haji Ahmad, 2020).

Kajian Perbandingan Malaysia dan Brunei

Kajian perbandingan antara Malaysia dan Brunei masih terhad, terutamanya dalam bidang kesejahteraan warga emas dan penglibatan sosial. Namun, kedua-dua negara berkongsi nilai budaya Melayu Islam yang menekankan hormat terhadap warga tua, gotong-royong, dan kasih sayang kekeluargaan. Kajian oleh Abdul Rahim dan Idris (2021) menunjukkan bahawa budaya kolektivisme di kedua-dua negara memberi kesan positif terhadap kesejahteraan sosial warga emas.

Perbezaan yang ketara ialah dalam aspek penginstitusian program. Di Malaysia, PAWE lebih formal dengan dana kerajaan dan pemantauan JKM, manakala di Brunei, PKWE lebih bersifat komuniti dengan pendekatan kekeluargaan dan nilai agama yang lebih kuat. Walaupun berbeza struktur, kedua-duanya berperanan penting dalam menyediakan ruang sosial yang membolehkan warga emas mengekalkan rasa identiti, harga diri, dan kesejahteraan hidup.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes bagi meneliti secara mendalam pengalaman warga emas yang terlibat dalam aktiviti di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di Malaysia dan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) di Brunei. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik memahami makna subjektif yang dikaitkan oleh warga emas terhadap penyertaan mereka dalam pelbagai aktiviti sosial, serta bagaimana penglibatan tersebut memberi kesan terhadap kesejahteraan hidup mereka (Creswell & Poth, 2018).

Kajian kes pelbagai digunakan untuk membandingkan dua konteks sosio-budaya yang berbeza namun berkongsi nilai Melayu Islam yang hampir serupa. Pendekatan ini juga membolehkan penyelidik menilai kesan struktur organisasi dan dinamika komuniti terhadap kesejahteraan warga emas secara lebih holistik.

Kajian ini dijalankan di dua buah PAWE di Malaysia dan dua PKWE di Brunei Darussalam. Pemilihan lokasi dilakukan berdasarkan kriteria:

1. Pusat yang aktif menjalankan aktiviti secara berkala.
2. Mempunyai keahlian warga emas yang melebihi 200 orang.
3. Bersedia memberi kerjasama kepada penyelidik.

PAWE yang terlibat terletak di negeri Pahang manakala PKWE dipilih dari kawasan Brunei Muara dan daerah Tutong. Pemilihan ini membolehkan perbandingan antara pusat bandar dan kawasan luar bandar di kedua-dua negara. Kajian ini juga menggunakan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) untuk memilih responden yang memenuhi kriteria tertentu (Patton, 2015). Seramai 8 orang responden terlibat, iaitu 4 warga emas dari Malaysia dan 4 warga emas dari Brunei, dengan umur antara 60 hingga 80 tahun. Dua orang warga emas tersebut juga merupakan pengurus pusat bagi tujuan mendapatkan perspektif pengurusan terhadap pelaksanaan program.

Kriteria pemilihan responden ialah:

1. Ahli aktif yang terlibat sekurang-kurangnya enam bulan dalam aktiviti PAWE/PKWE.
2. Mempunyai keupayaan komunikasi yang baik.
3. Bersedia berkongsi pengalaman dan pandangan.

Instrumen utama kajian ialah analisis dokumen, temu bual separa berstruktur dan pemerhatian. Penyelidik dibekalkan brosur berkaitan pusat aktiviti dan kegiatan di kedua-dua negara. Laporan-laporan aktiviti juga dikongsi sebagai input tambahan kepada kajian. Soalan temu bual dibangunkan berdasarkan objektif kajian dan sorotan literatur. Antara soalan utama ialah:

1. Bagaimana tuan/ puan menyertai PAWE/PKWE?
2. Apakah aktiviti yang paling bermakna bagi tuan/ puan?
3. Bagaimanakah aktiviti di pusat ini mempengaruhi kehidupan dan kesejahteraan tuan/ puan?
4. Apakah cabaran yang dihadapi dalam penyertaan?

Penyelidik turut menjalankan pemerhatian terhadap aktiviti seperti marhaban, kelas mengaji, dan aktiviti memasak untuk memahami interaksi sebenar antara responden. Nota lapangan direkod bagi mengenal pasti ekspresi emosi, suasana, dan dinamika kumpulan semasa aktiviti dijalankan.

Pengumpulan data dijalankan dalam tempoh satu bulan pada September hingga Oktober 2025. Sebelum temu bual dijalankan, penyelidik memperoleh kebenaran bertulis daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (Malaysia) dan Jabatan Pembangunan Masyarakat (Brunei Darussalam). Responden diberikan lembaran maklumat kajian dan borang persetujuan pemakluman (*informed consent*) yang menjelaskan tujuan kajian, hak untuk menarik diri, serta jaminan kerahsiaan. Semua temu bual dijalankan dalam bahasa Melayu dan ditranskripsi sepenuhnya untuk analisis.

Dapatan dan Perbincangan

Analisis tematik terhadap temu bual dan pemerhatian di dua buah PAWE di Malaysia serta dua PKWE di Brunei menghasilkan empat tema utama yang menjelaskan kesan penglibatan warga emas terhadap kesejahteraan mereka, iaitu:

1. Penglibatan sosial sebagai sumber kesejahteraan
2. Aktiviti bermakna memperkukuh kesejahteraan emosi
3. Penglibatan spiritual meningkatkan ketenangan diri
4. Cabaran dan sokongan dalam penyertaan aktiviti

Penglibatan Sosial sebagai Sumber Kesejahteraan

Penglibatan aktif dalam aktiviti sosial di PAWE dan PKWE muncul sebagai faktor utama yang meningkatkan kesejahteraan warga emas. Sebahagian besar responden menyatakan bahawa

interaksi harian bersama rakan sebaya membantu mengurangkan kesunyian dan meningkatkan semangat hidup.

Seorang responden dari Malaysia (Responden M1) menyatakan:

“Manfaat join PAWE ini dapat hilang sunyi, kawan-kawan dah macam adik beradik”

Manakala seorang responden dari Brunei (Responden B2) menyebut:

“Kami di Tutong ini biasa sambut majlis hari jadi sama-sama. Sambut sama kawan-kawan. Tidak sunyi lah.”

Dapatan ini sejajar dengan Teori Aktiviti Havighurst (1961) yang menegaskan bahawa penyertaan sosial yang berterusan selepas bersara dapat mengekalkan kesejahteraan psikologi dan sosial. Othman (2018) juga merumuskan bahawa pendekatan rakan sebaya mampu menjadi media yang berkesan untuk pengurusan warga emas Muslim. Kajian Rahman dan Aziz (2020) turut mendapati bahawa interaksi sosial dalam komuniti warga emas Malaysia berperanan penting dalam mengekang perasaan terpinggir dan kemurungan. Ini bertepatan dengan yang disebutkan oleh (Responden M4):

“Kalau join PAWE ini, kita punya pemikiran tidak jadi lah kemurungan, jadi cepat nyanyuk. Kita semua enjoy.”

Walaupun kedua-dua negara menunjukkan manfaat sosial yang serupa, terdapat perbezaan kecil dari segi bentuk aktiviti. Di Malaysia, aktiviti sosial lebih formal seperti bengkel kesihatan atau ceramah motivasi, manakala di Brunei lebih bersifat santai dan kekeluargaan seperti memasak bersama atau gotong-royong. Ini menunjukkan bahawa budaya komuniti dan cara pengurusan pusat mempengaruhi bentuk penglibatan sosial warga emas, namun matlamat kesejahteraan tetap sama iaitu rasa diterima dan disayangi.

Aktiviti Bermakna Memperkukuh Kesejahteraan Emosi

Tema kedua menunjukkan bahawa aktiviti yang dianggap bermakna oleh warga emas memberi kesan mendalam terhadap kesejahteraan emosi dan rasa harga diri. Responden menyatakan bahawa aktiviti seperti ziarah dan menjadi sukarelawan memberi mereka merasai tujuan hidup sebagai seorang hamba dan seorang khalifah (pemimpin).

Seorang peserta PAWE (Responden M3) berkongsi:

“Makcik selalu melawat antara ahli-ahli PAWE seluruh negara”

Peserta PKWE pula (Responden B1) menyatakan:

“Kami di PKWE macam keluarga kedua. Kalau ada yang sakit, kami semua datang ziarah. Rasa dihargai.”

Kedua-dua contoh ini menunjukkan bahawa apabila warga emas diberi peluang menyumbang semula kepada komuniti, mereka mengalami kesejahteraan emosi yang lebih tinggi. Dapatan ini menyokong pandangan Ryff (1989) bahawa kesejahteraan psikologi berkait rapat dengan perasaan bermakna dan perkembangan peribadi yang berterusan. Bagaimanapun, sesuatu yang menarik boleh diterokai berkaitan pusat jagaan dan rawatan warga emas seperti di Malaysia dan tidak ada di Brunei. Responden B1 menyebut:

“Ooo...Di Brunei memang tidak ada pusat jagaan yang macam Ustazah sebutkan tadi. Tidak ada pusat khas yang menjaga warga emas yang terlantar. Semua warga emas tinggal di rumah masing-masing atau hospital. Memang tidak ada pusat jagaan macam itu di sini. Kalau ada pun, mungkin pusat jagaan non-Muslim”

Kajian oleh Kaur dan Othman (2019) turut menegaskan bahawa pengiktirafan terhadap peranan warga emas sebagai penyumbang sosial adalah faktor penting dalam mengekalkan kesihatan mental dan motivasi hidup. Dalam konteks ini, aktiviti bermakna di PAWE dan PKWE berfungsi sebagai platform untuk memperkukuh identiti diri dan penghargaan sosial. Justeru, sokongan keluarga dan komuniti sangat diperlukan kepada penyertaan warga emas seperti yang disebut oleh Responden M3:

“Makin sihat lepas sertai program PAWE. Anak-anak suka tengok mak seronok dengan kawan-kawan. Anak-anak sangat menyokong dan minta ikut rombongan akan datang ke Hatyai”.

Penglibatan Spiritual Meningkatkan Ketenangan Diri

Aspek spiritual juga muncul sebagai elemen penting dalam kesejahteraan warga emas. Hampir semua peserta dari Brunei dan sebahagian besar peserta Malaysia menekankan bahawa aktiviti keagamaan seperti kelas mengaji, tazkirah, dan zikir bersama memberikan ketenangan batin serta membantu menghadapi tekanan hidup.

Responden B3 menjelaskan:

“Kalau datang ke PKWE, kami belajar agama dan berzikir bersama. Rasa hati tenang dan tidak fikir sangat tentang sakit atau umur.”

Responden M3 pula menyatakan:

“Mak cik paling suka tadarus dan kuliah dhuha sebab program agama.”

Dapatan ini memperkukuh pandangan bahawa dimensi spiritual merupakan komponen penting dalam kesejahteraan warga emas Asia Tenggara, di mana nilai agama dan budaya berperanan sebagai sumber kekuatan emosi (Haji Ahmad, 2020). Selain itu, ia menonjolkan pendekatan unik Brunei yang lebih menekankan integrasi agama dalam semua aktiviti sosial, berbanding Malaysia yang lebih seimbang antara sosial, rekreasi dan keagamaan.

Dari perspektif Teori Pertukaran Sosial (Homans, 1961), aktiviti keagamaan turut menyediakan peluang bagi warga emas untuk saling memberi sokongan rohani, sekali gus mewujudkan hubungan timbal balik yang memperkukuh rasa kebersamaan dan kesejahteraan spiritual.

Cabaran dan Sokongan dalam Penyertaan Aktiviti

Tema terakhir menggambarkan cabaran yang dihadapi oleh warga emas untuk menyertai aktiviti, termasuk kekangan pengangkutan dan masalah kesihatan. Semua peserta bersetuju bahawa tiada cabaran atau masalah menyertai PAWE. Responden M4 menyatakan:

“Rasa tidak ada cabaran. Komuniti pun macam adik-beradik. Pak cik ini panggil dorang (mereka) i love you. Memang macam adik-beradik dah. Dorang (mereka) panggil Pak Cik, Mail i love you.

Walaupun Responden (M1) menyatakan beliau menumpang menaiki kenderaan kawan, namun itu bukan masalah utama: *“Tiada masalah, pergi PAWE tumpang kawan.”*

Namun, di Brunei, cabaran ini agak berbeza. Responden B1 menerangkan:

“Kami ada pengangkutan disediakan oleh PKWE. Jadi mudah untuk datang. Tapi kalau hujan lebat, ramai tak keluar.”

Walaupun menghadapi halangan, kedua-dua negara menunjukkan tahap motivasi yang tinggi untuk terus menyertai aktiviti kerana menganggapnya penting bagi kesejahteraan diri. Ini disokong dengan kajian oleh (Nor Azila, Siti Masayu Rosliah & Nik Norliati Fitri, 2022) yang menunjukkan bahawa sokongan komuniti dan institusi amat penting dalam memastikan penyertaan berterusan. 53% responden menyedari bahawa penubuhan PAWE membolehkan warga emas dapat terus hidup dalam suasana kekeluargaan walaupun ahli keluarga sibuk bekerja dan turut bersetuju (48%) dengan penubuhan PAWE yang dapat memberikan kesan positif melalui pertambahan jumlah PAWE.

Bagaimanapun, kajian oleh Siti Marsitah et. al. (2022) membuktikan bahawa masih terdapat masalah yang dihadapi oleh warga emas yang mengikuti aktiviti keagamaan di PAWE Pahang antaranya masalah penglihatan dan pendengaran, kelemahan penguasaan bacaan al-Quran dan masalah pengangkutan.

Kajian oleh Choo et al. (2021) menyatakan bahawa PAWE yang mempunyai jaringan komuniti aktif dan sistem pengangkutan sokongan mampu mengekalkan kadar kehadiran yang tinggi. Hal yang sama diperhatikan dalam konteks PKWE, di mana penglibatan pihak berkuasa tempatan membantu mengurangkan cabaran mobiliti warga emas (Lim & Salleh, 2022).

Perbandingan Antara Malaysia dan Brunei

Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa penglibatan warga emas dalam aktiviti sosial dan spiritual di PAWE dan PKWE memberi kesan positif terhadap kesejahteraan fizikal, sosial, dan emosi mereka. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perbezaan utama:

Aspek	Malaysia (PAWE)	Brunei (PKWE)
Bentuk aktiviti	Lebih pelbagai dan formal (sosial, kesihatan, pendidikan)	Lebih berasaskan komuniti dan keagamaan
Struktur organisasi	Diselia oleh kerajaan (JKM) dan NGO tempatan	Dikelola JAPEM dengan pendekatan komuniti
Sumber kesejahteraan utama	Hubungan sosial dan pengiktirafan diri	Sokongan komuniti dan nilai spiritual
Cabaran utama	Pengangkutan namun, kesihatan	Cuaca

Kajian ini menegaskan bahawa penglibatan dalam PAWE dan PKWE bukan sekadar aktiviti sosial semata-mata, tetapi merupakan mekanisme kesejahteraan menyeluruh bagi warga emas. Melalui interaksi sosial, aktiviti bermakna, dan penglibatan spiritual, warga emas dapat mengekalkan rasa identiti, harga diri, serta keseimbangan emosi. Dapatan ini menyokong teori-teori klasik dalam gerontologi seperti Teori Aktiviti dan Teori Pertukaran Sosial, serta memperluas pemahaman tentang bagaimana budaya Melayu Islam membentuk corak kesejahteraan warga emas di Asia Tenggara.

Kesimpulan dan Cadangan

Kesimpulan

Kajian ini meneliti kesan penglibatan warga emas dalam Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di Malaysia dan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) di Brunei terhadap kesejahteraan sosial, emosi, dan spiritual mereka. Berdasarkan analisis kualitatif melalui analisis dokumen, temu bual separa berstruktur dan pemerhatian lapangan, empat tema utama telah dikenal pasti: (i) penglibatan sosial sebagai sumber kesejahteraan, (ii) aktiviti bermakna memperkukuh kesejahteraan emosi, (iii) penglibatan spiritual meningkatkan ketenangan diri, dan (iv) cabaran serta sokongan dalam penyertaan aktiviti.

Dapatan menunjukkan bahawa penglibatan aktif dalam aktiviti sosial dan komuniti memberi kesan positif terhadap kesejahteraan psikososial warga emas. Penyertaan bukan sahaja meningkatkan interaksi sosial dan rasa dihargai, tetapi juga membentuk makna hidup yang baharu selepas persaraan. Dalam konteks Brunei, nilai kekeluargaan dan keagamaan memainkan peranan dominan dalam membentuk kesejahteraan spiritual, manakala di Malaysia, kesejahteraan lebih banyak disumbang oleh peluang sosial dan pendidikan sepanjang hayat yang ditawarkan melalui PAWE.

Secara keseluruhannya, kajian ini mengesahkan bahawa penglibatan sosial dan spiritual merupakan asas utama kesejahteraan warga emas di kedua-dua negara. Walaupun terdapat perbezaan struktur organisasi dan budaya, kedua-dua model menunjukkan kesan yang konsisten terhadap peningkatan kepuasan hidup dan keseimbangan emosi warga emas.

Implikasi Kajian

Implikasi Teori

Kajian ini memperkukuh Teori Aktiviti Havighurst (1961) dengan menunjukkan bahawa penyertaan sosial yang berterusan selepas persaraan membantu mengekalkan identiti dan kesejahteraan psikologi warga emas. Ia juga menyokong Teori Pertukaran Sosial (Homans, 1961) melalui dapatan bahawa interaksi dan sokongan timbal balik dalam kalangan warga emas meningkatkan rasa dihargai dan hubungan sosial yang bermakna.

Tambahan pula, kajian ini memperluas konteks teori-teori tersebut ke dalam konteks budaya Melayu Islam, di mana nilai kekeluargaan, keagamaan, dan gotong-royong memainkan peranan penting dalam menstruktur kesejahteraan warga emas di Asia Tenggara.

Implikasi Praktikal dan Dasar Sosial

Bagi Malaysia, dapatan kajian menunjukkan bahawa keberkesanan PAWE dapat ditingkatkan melalui:

1. Penambahbaikan kemudahan pengangkutan bagi warga emas luar bandar.
2. Latihan kepada penyelarasan pusat untuk merancang aktiviti yang lebih bermakna dan bersesuaian dengan minat warga emas.
3. Penglibatan lebih aktif NGO dan komuniti tempatan dalam menyokong operasi PAWE.

Bagi Brunei Darussalam, cadangan utama ialah:

1. Menginstitusikan model PKWE dengan garis panduan program yang lebih sistematik.
2. Memperluas jenis aktiviti meliputi kesihatan, rekreasi, dan pembelajaran sepanjang hayat, selain aktiviti keagamaan.

3. Menjalin kerjasama rentas negara dengan PAWE Malaysia untuk perkongsian amalan terbaik.

Implikasi kepada Keluarga dan Komuniti

Dapatan menunjukkan bahawa sokongan keluarga dan komuniti sangat penting dalam memastikan penyertaan warga emas dalam aktiviti pusat. Oleh itu, kesedaran masyarakat perlu dipertingkatkan bahawa kesejahteraan warga emas bukan hanya tanggungjawab kerajaan, tetapi juga tanggungjawab kolektif masyarakat.

Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan bilangan responden yang terhad, justeru beberapa cadangan untuk penyelidikan masa hadapan termasuk:

1. Pendekatan kuantitatif atau campuran (*mixed methods*) bagi mengukur secara empirikal hubungan antara tahap penyertaan dan kesejahteraan psikologi warga emas.
2. Kajian longitudinal bagi menilai kesan jangka panjang penyertaan dalam PAWE dan PKWE terhadap perubahan kesejahteraan.
3. Perbandingan rentas budaya melibatkan lebih banyak negara ASEAN seperti Indonesia dan Singapura untuk memahami bagaimana nilai sosial dan agama membentuk kesejahteraan warga emas di pelbagai konteks budaya.

Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan bahawa penglibatan dalam pusat aktiviti dan kegiatan warga emas berfungsi sebagai pemangkin kesejahteraan hidup yang menyeluruh. Warga emas yang aktif, mempunyai jaringan sosial kukuh, dan mendapat sokongan spiritual menunjukkan tahap kesejahteraan yang lebih tinggi. PAWE dan PKWE membuktikan bahawa program berasaskan komuniti bukan sahaja dapat mengurangkan kesunyian dan tekanan mental, tetapi juga membina semangat kekitaan dan makna hidup yang baharu bagi warga emas. Kejayaan kedua-dua model ini memperlihatkan potensi besar bagi pelaksanaan dasar sosial serantau yang lebih inklusif terhadap golongan warga emas.

Rujukan

- Abdul Rahim, M., & Idris, N. (2021). *Cultural Values and Social well-being among Elderly in Malay Communities*. Journal of Social Development, 15(2), 45–60.
- Braun, V., & Clarke, V. (2019). *Reflecting on Reflexive Thematic Analysis*. Qualitative Research in Sport, Exercise and Health, 11(4), 589–597.
- Choo, Y. S., Tan, C. K., & Rahman, N. (2021). *Community Participation and Well-being of Older Adults in Malaysian Senior Activity Centres*. Malaysian Journal of Gerontology, 9(1), 23–39.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Haji Ahmad, R. (2020). *Kesejahteraan Warga Emas dalam Komuniti Islam Brunei*. Brunei Journal of Social Studies, 7(2), 55–68.
- Homans, G. C. (1961). *Social Behavior: Its Elementary Forms*. Harcourt Brace.
- Ibrahim, N. (2016). *Kesejahteraan Warga Emas Yang Mengikuti Aktiviti di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), Di Negeri Selangor* (Tesis Sarjana, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah)
- Kaur, J., & Othman, N. (2019). *Psychosocial Well-being of elderly in Malaysian Communities*. Asia Pacific Journal of Social Work, 29(3), 210–225.
- Kim, H., & Park, S. (2020). *Aging and well-being: The role of social participation*. Gerontology Review, 58(4), 301–317.
- KPWKM. (2022). *Laporan Tahunan Pusat Aktiviti Warga Emas*. Putrajaya: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Lim, S. H., & Salleh, A. (2022). *Faith-based Programs and Senior Well-being in Brunei*. ASEAN Journal of Community Studies, 4(1), 40–56.
- Firdaus, M. F., & Kurniawan, C. S. (2024). Reinforcing Elderly Management in Brunei Darussalam: an Islamic Approach to Aging. *Al-Qanun: Jurnal Pemikiran dan Pembaharuan Hukum Islam*, 27(2), 141-156.
- Nor Azila Salleh, Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid & Nik Norliati Fitri Md. Nor. (2022). *Kesejahteraan Hidup Warga Emas: Persepsi Warga Emas Terhadap Penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (Pawe) di Marang, Terengganu*. *Journal of social science and humanities*. Vol. 19. No .4 (2022). 210-228. ISSN: 1823-884x.
- Norhayati, Z., & Abdullah, R. (2021). *Well-being and Social Engagement among Elderly Malaysians*. Journal of Ageing Studies, 12(2), 89–105.
- Othman Ab Rahman. (2018). *Pendekatan Rakan Sebaya Sebagai Media Berkesan Dalam Pengurusan Warga Emas Muslim: Satu Kajian Kes Di Persatuan Warga Emas Di Lembah Klang*. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative Research & Evaluation Methods* (4th ed.). SAGE Publications.
- Rahman, M. A., & Aziz, F. (2020). *Participation in Senior Centres and Psychological Well-being among Elderly Malaysians*. Malaysian Journal of Psychology, 11(2), 77–95.
- Ryff, C. D. (1989). *Happiness is Everything, or Is It? Explorations on the Meaning of Psychological Well-being*. Journal of Personality and Social Psychology, 57(6), 1069–1081.
- Siti Marsitah, M. M., Norazmi, A., Norhapizah, M. B., Rashidi, A., Hasiah, M. S., M., & Anasztasia Natasha, M. R. (2022). Religious Activities for Muslim Elderly at the Senior Citizens Activity Center (PAWE) in Pahang, Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(3), 169–179.